

Profile PTN

Written by Nizam

Wednesday, 27 August 2008 14:02 - Last Updated Tuesday, 27 August 2019 07:53



Tabib Ustaz Nornizam

Perubatan Tradisional Nabawiyyah (PTN) (Co.No. SA 0061516-H dan 002181679-T) ditubuhkan pada 13 Julai 2007 dan pengasasnya adalah **Tabib Ustaz Nornizam bin Ngadeni**. Beliau berasal dari Sabak Bernam, Selangor. Beliau mempelajari pengajian Islam di Darul Ulum, Faisalabad, Pakistan, 1998. Telah mengamalkan

Perubatan Melayu

atau

Perubatan

Islam

sejak

tahun 1996

lagi. Beliau pernah berkhidmat di Maahad Tahfiz Ummul Qurra, Sabak Bernam, Selangor pada tahun 1999. Pernah membuka sendiri pusat pengajian Islam bernama Madrasah Darul Ulum dari tahun 2001 hingga 2004 di Kampung Giching Hilir, Salak Tinggi, Sepang, Selangor. Beliau juga seorang guru agama

'free lance'

dan pendakwah bebas.

Profile PTN

Written by Nizam

Wednesday, 27 August 2008 14:02 - Last Updated Tuesday, 27 August 2019 07:53

Kini selain sepenuh masa beliau melibatkan diri dalam **Perubatan Melayu/Islam** beliau juga berkhidmat sebagai guru agama (Tauliah JAIS) di jabatan kerajaan, swasta dan masjid-masjid sekitar daerah Selangor. Pencapaian akademik beliau pula bermula dari Sekolah Menengah Teknik, Ipoh, Perak 90/91 dibidang Kejuruteraan Mekanikal.

Beliau juga telah mengikuti kursus perubatan komplementari di bawah Huda Natural Healing Center dibidang akupunktur, bekam dan refleksologi. Huda Natural Healing Center (Cert. Acu-Cupping, Reflexology and holistic Body Massage 2007). Beliau juga merupakan Presiden kepada Pertubuhan Perubatan Acu-Bekam Malaysia (PABM) sejak 2009 (No. Daftar 1507-09-WKL) dan Ahli Jawatankuasa Pusat kepada Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (GAPERA) yang merupakan salah satu daripada 8 Badan Pengamal yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia divisyen Perubatan Tradisional dan Komplementari. Beliau juga telah mengikuti kursus *Basic Medical Sciences Course for T&CM Practitioners* di Cyberjaya University Collage of Medical Sciences sejak Oktober 2011. Beliau juga telah mengikuti program *Diploma Profesional Perubatan Melayu* di Kolej Space, UTMSPACE pada tahun 2016. Beliau juga merupakan Panel Pembangunan Kompetensi Pengamal Perubatan Tradisional Melayu di Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK), Kementerian Kesihatan Malaysia di Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (KKM BPTK) dan Akademi Perubatan Melayu Malaysia (APMM).

Beliau telah merawat berbagai penyakit dari pesakit-pesakit dari dalam negeri dan luar negara seperti Australia, England, Mesir, Arab Saudi, Jordan, Magribi, Afrika Selatan, India, Pakistan, Mongolia, China, Hong Kong, Bangladesh, Indonesia, Thailand, Brunei dan Singapura. Beliau juga merupakan seorang penulis siri kitab Perubatan Melayu. Di antara karya beliau adalah 'Falsafah dan Prinsip Asas Perubatan Melayu' dan 'Perubatan Melayu Berdasarkan Manuskrip Kitab Tibb Melayu'.



